

20/05/2003

Jakim rangka modul khas tangani HIV/Aids

KUALA LUMPUR: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) sedang merangka modul khas untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman pemimpin agama mengenai HIV/Aids dan ia dijangka diperkenalkan selewat-lewatnya hujung tahun ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Hamid Zainal Abidin, berkata modul latihan berkenaan dirangka dengan kerjasama Kementerian Kesihatan dan Majlis Aids Malaysia (MAM).

"Pada masa ini, kita sedang membincangkan cara untuk mencari formula lebih berkesan bagi menangani masalah penyakit HIV/Aids. Ia tidak boleh dipandang ringan kerana bilangan yang menghidap penyakit ini meningkat dari semasa ke semasa," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Perundingan Antarabangsa Kedua Pemimpin-Pemimpin Islam Dalam Menangani Isu HIV/Aids, di sini semalam.

Lebih 200 perwakilan yang terdiri daripada ahli akademik dan pemimpin masyarakat Islam dari 30 negara, antaranya dari Afrika Selatan, Amerika Syarikat, Bangladesh, Indonesia, Singapura dan perwakilan tempatan menyertai perundingan selama lima hari yang akan berakhir Jumaat ini.

"Apa yang berlaku sekarang adalah masyarakat kurang faham bagaimana Aids boleh merebak dan ramai yang memandang serong serta tidak mengambil peduli pesakit Aids serta memberikan layanan yang kurang baik kepada mereka," kata Abdul Hamid.

Abdul Hamid berkata, modul yang dirancang itu akan membabitkan contoh yang pernah dilaksanakan negara lain terutama negara di benua Afrika yang berpengalaman dalam menangani masalah HIV/Aids.

Terdahulu dalam ucapannya, beliau mendedahkan terdapat segelintir masyarakat yang terlalu takut dan tidak memahami bagaimana virus ini boleh merebak menyebabkan pesakit tidak dapat dibantu dengan sewajarnya.

"Ada di antara masyarakat yang takut menguruskan jenazah kerana terlalu bimbang Aids akan berjangkit sehingga mengabaikan tanggungjawab sesama Islam.

"Masyarakat faham penyakit SARS (Sindrom Pernafasan Yang Teruk) lebih merbahaya kerana boleh merebak melalui sentuhan tetapi HIV/Aids tidak, jadi kita tidak perlu takut untuk membantu golongan ini," katanya.

Pengerusi MAM, Datin Paduka Marina Mahathir, berkata perbincangan untuk modul itu sudah diadakan dan akan dilaksanakan secepat mungkin.

"MAM melaksanakan pelbagai program untuk memberikan kefahaman yang jelas berkenaan penyakit ini dan konsultasi kali kedua ini adalah kesinambungan daripada yang diadakan di Uganda sebelum ini.

"Ramai di kalangan tokoh agama dihantar pada konsultasi yang pertama bagi melihat realiti sebenar Aids ini dan perkara itu memberikan inspirasi kepada Malaysia untuk menjadi negara contoh mengambil peranan memimpin dalam menangani isu HIV/Aids ini," katanya.

Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Prof Dr Mohd Kamal

Hassan membentangkan kertas kerja yang pertama bertajuk `Ummah Yang Penyayang: Transformasi Sebuah Respons' yang juga menjadi tema kepada konsultasi yang diadakan tahun ini.

Lima perkara yang menjadi fokus perbincangan pada majlis itu adalah maruah manusia, pendedahan, keseksualan, penggunaan dadah dan peranan pemimpin Islam dalam menangani HIV/Aids.